Kepercayaan Awal dan Transformasi Agama dalam Kalangan Masyarakat Rungus

[Early Belief Systems and Religious Transformation among the Rungus Community]

BITARA
Volume 9, Issue 1, 2026: 175-187
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 16 January 2026
Accepted: 16 February 2026
Published: 16 March 2026

Zaifuddin Md Rasip[1], Nur Shahmirdha Sarrulan[1*], Jainudin Mohd. Peran[1], Hajar Opir[2], Mohammad Subhan[3] & Wan Yusnee Abdullah[4]

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.
E-mail: Jainudin.peran@ums.edu.my; zaifuddin@ums.edu.my
2 Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Jalan Ilmu 1/1, 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: Hajar_opir@uitm.edu.my
3 Fakultas Agama Islam, Universiti Islam Madura, JL. Pondok Peantren Miftahul Ulum Bettet, Pamekasan Madura, Gladak, Bettet, Kec. Pamekasan, Kabupaten Pamekasan, Jawa Timur 69317, Indonesia.
E-mail: mohsubhan@uim.ac.id
4 Fakulti Pendidikan & Sains Sosial, Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan, 45600 Batang Berjuntai, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: wanyusnee@unisel.edu.my

*Corresponding Author: zaifuddin@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini meneliti kepercayaan awal serta proses transformasi agama dalam kalangan masyarakat Rungus di Sabah Utara, khususnya di kawasan Kudat dan sekitarnya. Sebelum kedatangan agama samawi, masyarakat Rungus mengamalkan sistem kepercayaan tradisional yang dikenali sebagai Bbiruhui. Sistem ini membentuk kosmologi hidup yang merangkumi hubungan manusia dengan alam ghaib, institusi bbobbolizan, serta konsep jiwa dan kematian. Kepercayaan tersebut berfungsi sebagai asas pembentukan identiti *spiritual* dan mekanisme kawalan sosial komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen dan kajian sejarah. Kaedah deskriptif-analitik diaplikasikan bagi menghuraikan secara tematik kepercayaan tradisional, proses Kristianisasi dan perkembangan Islamisasi. Dapatan menunjukkan bahawa Kristian berkembang secara institusional melalui jaringan mubaligh, pendidikan, kebajikan serta sokongan struktur kolonial dan politik, sekali gus menjadikannya agama dominan dalam kalangan masyarakat Rungus. Sebaliknya, Islam berkembang secara lebih perlahan dan bersifat akar umbi melalui perkahwinan campur, hubungan sosial serta dakwah individu tanpa sokongan institusi yang tersusun pada peringkat awal. Walaupun Islam kekal sebagai agama minoriti dari segi kuantitatif, penerimaannya membawa transformasi nilai yang mendalam terhadap individu mualaf khususnya dari sudut akidah, amalan ibadah dan pembentukan identiti baharu. Kajian ini menyimpulkan bahawa transformasi agama masyarakat Rungus merupakan proses sosio-spiritual yang kompleks dan berlapis melibatkan rundingan antara tradisi, agama baharu dan realiti sosial moden. Dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih seimbang tentang perubahan agama dan pembentukan identiti dalam kalangan komuniti pribumi Sabah.

Kata Kunci: Bbiruhui, Kristianisasi, Islamisasi, Masyarakat Rungus, Transformasi agama

Abstract

This study examines early belief systems and the process of religious transformation among the Rungus community in northern Sabah, particularly in the Kudat area and its surroundings. Prior to the arrival of Abrahamic religions, the Rungus practiced a traditional belief system known as *Bbiruhui*, which shaped their lived cosmology encompassing human relationships with the *spiritual* realm, the institution of *bbobbolizan*, as well as concepts of the soul and death. This belief system functioned as the foundation of *spiritual* identity formation and as a

mechanism of social regulation within the community. This study adopts a qualitative approach based on document analysis and historical inquiry, employing a descriptive-analytic method to thematically examine traditional beliefs, the process of Christianization, and the development of Islamization. The findings indicate that Christianity expanded institutionally through missionary networks, education, welfare services, and the support of colonial and political structures, thereby becoming the dominant religion among the Rungus community. In contrast, Islam developed more slowly and at the grassroots level through intermarriage, social interaction, and individual da'wah efforts, without organized institutional support in its early stages. Although Islam remains a quantitative minority, its acceptance has brought profound value transformation among converts, particularly in terms of faith (aqidah), religious practice, and the formation of new identities. This study concludes that religious transformation among the Rungus represents a complex and layered socio-spiritual process involving negotiation between tradition, new religious frameworks, and modern social realities. The findings contribute to a more balanced understanding of religious change and identity formation among indigenous communities in Sabah.

Keywords: Bbiruhui, Christianization, Islamization, Rungus community, Religious transformation



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Zaifuddin Md Rasip, Nur Shahmirdha Sarrulan, Jainudin Mohd. Peran, Hajar Opir, Mohammad Subhan & Wan Yusnee Abdullah. (2026). Kepercayaan Awal dan Transformasi Agama dalam Kalangan Masyarakat Rungus [Early Belief Systems and Religious Transformation among the Rungus Community]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(1): 175-187.

PENGENALAN

Masyarakat Rungus merupakan salah satu komuniti pribumi utama yang mendiami kawasan utara Sabah, khususnya di daerah Kudat dan kawasan sekitarnya. Secara tradisional, kehidupan masyarakat Rungus terbentuk dalam kerangka budaya yang berpaksikan alam sekitar, struktur komuniti yang erat serta sistem kepercayaan warisan yang diwarisi secara turun-temurun. Kedudukan geografi yang relatif terpencil pada suatu ketika dahulu membolehkan masyarakat ini mengekalkan identiti budaya dan *spiritual* tersendiri sebelum berlakunya pertembungan dengan agama-agama *samawi* serta proses modenisasi (Raymond, 2013).

Sebagai komuniti pribumi, masyarakat Rungus bukan sekadar mewakili satu kelompok etnik tetapi turut mencerminkan suatu sistem kehidupan menyeluruh yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, *spiritual* dan adat resam. Kepercayaan tradisional seperti Bbiruhui membentuk asas kosmologi mereka yang menentukan hubungan manusia dengan alam ghaib serta berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial melalui adat dan pantang larang (Low & Raymond, 2014). Namun, landskap keagamaan masyarakat Rungus mengalami perubahan ketara apabila Kristian dan Islam mula bertapak khususnya sejak era kolonial. Perkembangan ini membawa kepada transformasi identiti serta struktur sosial komuniti tersebut.

Perubahan ini tidak berlaku secara terasing, sebaliknya berkait rapat dengan kemunculan agen perubahan seperti British North Borneo Company (BNBC), mubaligh Kristian dan kemasukan masyarakat Cina Kristian Hakka (Hill & Shin, 1990). Gerakan Kristianisasi yang bermula di Kudat kemudiannya berkembang ke Sandakan, Tawau dan Papar melalui jaringan gereja, pendidikan serta bantuan kebajikan (Richard, 1999). Sokongan institusi kolonial terhadap kemasukan komuniti Cina Kristian pada tahun 1913 turut mempercepatkan

pengaruh Kristian dalam kalangan masyarakat pribumi termasuk masyarakat Rungus (Forschner, 1994).

Walaupun terdapat sejumlah kajian yang membincangkan Kristianisasi masyarakat pribumi Sabah, perbincangan mengenai Islamisasi komuniti Rungus masih relatif terhad dan sering bersifat sampingan. Kebanyakan penulisan terdahulu lebih menumpukan sejarah mubaligh serta perkembangan gereja manakala pengalaman mualaf Rungus dan dinamika penerimaan Islam kurang diberikan perhatian secara sistematik (Ismail, 2004). Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara seimbang kepercayaan awal masyarakat Rungus, proses penerimaan Kristian dan Islam serta implikasi transformasi agama terhadap identiti dan struktur sosial komuniti ini.

Kajian ini bertujuan meneliti secara komprehensif kepercayaan awal serta proses transformasi agama dalam kalangan masyarakat Rungus di Sabah Utara, khususnya di kawasan Kudat dan sekitarnya. Penelitian ini memberi perhatian kepada sistem kepercayaan tradisional masyarakat Rungus termasuk agama Bbiruhui, kosmologi, peranan *bbobbolizan* serta konsep jiwa dan kematian yang membentuk asas identiti spiritual dan sosial komuniti tersebut. Selain itu, kajian ini turut menganalisis proses penyebaran dan penerimaan agama Kristian dengan meneliti peranan mubaligh, sokongan institusi kolonial serta kemasukan komuniti Cina Kristian yang mempengaruhi dinamika perubahan keagamaan dalam kalangan masyarakat Rungus. Di samping itu, kajian ini juga mengkaji kemunculan dan perkembangan Islam dalam komuniti tersebut serta implikasinya terhadap transformasi identiti, nilai budaya dan struktur sosial masyarakat Rungus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan kajian sejarah bagi meneliti kepercayaan awal serta proses transformasi agama dalam kalangan masyarakat Rungus di Sabah Utara, khususnya di kawasan Kudat. Data diperoleh melalui analisis sumber sekunder seperti karya etnografi, dokumen adat, penulisan sejarah, laporan akademik serta data statistik berkaitan perkembangan agama di Sabah. Analisis dilakukan secara deskriptif-analitik dan tematik dengan membahagikan perbincangan kepada tiga fokus utama iaitu sistem kepercayaan tradisional, proses Kristianisasi dan perkembangan Islamisasi bagi menilai secara menyeluruh dinamika perubahan agama serta implikasinya terhadap struktur sosial dan identiti komuniti Rungus.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan awal tentang masyarakat Rungus banyak menumpukan kepada sistem kepercayaan tradisional sebagai asas pembentukan kehidupan sosial dan *spiritual* komuniti ini. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kepercayaan Rungus bukan sekadar ritual keagamaan, tetapi membentuk hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitar, di samping berfungsi sebagai mekanisme integrasi sosial serta kawalan moral. Dimensi estetik dan keseimbangan emosi yang terkandung dalam kepercayaan ini turut menyumbang kepada kestabilan komuniti sebelum kedatangan agama-agama samawi (Appell, 1986).

Berpaksikan kerangka tersebut, kajian seterusnya memperincikan bahawa masyarakat Rungus sebenarnya memiliki sistem agama warisan yang tersendiri dikenali sebagai Bbiruhui. Agama ini melibatkan pelbagai ritual *spiritual* yang bertujuan menenangkan semangat jahat serta memohon perlindungan daripada Kinoringan sebagai Tuhan Pencipta. Bbiruhui bukan sahaja membentuk orientasi keagamaan masyarakat Rungus malah menjadi asas kepada adat, pantang larang dan struktur sosial yang mengekalkan keharmonian antara manusia, alam dan alam ghaib (Low & Raymond, 2014).

Penghayatan Bbiruhui ini seterusnya diperkukuh melalui kosmologi tradisional yang kompleks melibatkan konsep Minamangun, rogon dan hatod serta peranan bbobbolizan sebagai perantara *spiritual*. Kepercayaan terhadap roh dan jiwa membentuk sistem nilai yang mengawal tingkah laku individu dan komuniti sekali gus menjadikan agama tradisional sebagai teras pembinaan identiti masyarakat Rungus sebelum berlakunya transformasi agama. Tradisi ini juga berfungsi sebagai asas utama pembentukan norma sosial dan budaya dalam kehidupan seharian masyarakat Rungus (Porodong, 2001).

Namun demikian, landskap keagamaan masyarakat Rungus mula berubah apabila Kristian diperkenalkan secara sistematik melalui jaringan mubaligh, pendidikan dan kebajikan. Penulisan terdahulu menunjukkan bahawa Kristianisasi berkembang pesat dengan sokongan institusi kolonial dan strategi penyebaran yang tersusun khususnya di kawasan Kudat dan pedalaman Sabah (Rasip et al., 2025b). Pendekatan ini menjadikan Kristian sebagai agama dominan dalam kalangan masyarakat Rungus sekali gus membawa perubahan ketara terhadap struktur sosial dan orientasi *spiritual* komuniti tersebut (Mat Zin, 2003).

Sebaliknya, perbincangan mengenai Islamisasi masyarakat Rungus masih relatif terhad dan sering muncul sebagai isu sampingan dalam kajian berkaitan Kristianisasi atau politik Sabah. Walaupun terdapat catatan tentang kemasukan Islam melalui perkahwinan campur dan hubungan sosial, pengalaman mualaf Rungus serta implikasi Islam terhadap pembentukan identiti komuniti kurang dihuraikan secara mendalam (Samsidar et al., 2024). Keadaan ini menyebabkan transformasi agama dalam kalangan masyarakat Rungus sering dilihat dari perspektif Kristian semata-mata tanpa memberi perhatian seimbang kepada perkembangan Islam (Bainol, 2018).

Secara keseluruhan, sorotan literatur memperlihatkan bahawa kajian terdahulu banyak menumpukan kepercayaan tradisional dan proses Kristianisasi masyarakat Rungus manakala aspek Islamisasi masih kurang diterokai secara sistematik. Jurang ini menunjukkan keperluan kepada satu kajian yang mengintegrasikan analisis kepercayaan awal, penerimaan Kristian dan perkembangan Islam secara seimbang. Justeru, kajian ini berusaha mengisi kekosongan tersebut dengan meneliti transformasi agama masyarakat Rungus secara menyeluruh khususnya dari sudut implikasinya terhadap identiti dan struktur sosial komuniti.

KEPERCAYAAN AWAL MASYARAKAT RUNGUS

Sebelum kedatangan Islam dan Kristian, masyarakat Rungus mengamalkan sistem kepercayaan tradisional yang tersusun dan diwarisi secara turun-temurun. Kepercayaan ini bukan sekadar amalan ritual tetapi membentuk keseluruhan struktur kehidupan sosial, *spiritual* dan budaya komuniti (Moo, Lazarus, & Saearani, 2023). Ia menentukan hubungan manusia dengan alam sekitar, alam ghaib serta sesama anggota masyarakat. Dalam konteks ini, agama tradisional

berfungsi sebagai asas pembentukan identiti kolektif serta mekanisme kawalan sosial melalui adat dan pantang larang yang dipatuhi secara bersama (Appell, 1986). Kepercayaan ini kemudiannya dikenali sebagai Bbiruhui yang menjadi tunjang kepada kosmologi dan *worldview* masyarakat Rungus sebelum berlakunya transformasi agama.

a. Agama Bbiruhui dan Kosmologi Rungus

Bbiruhui merupakan agama warisan masyarakat Rungus yang merangkumi pelbagai ritual *spiritual* dan amalan adat. Ia bertujuan menenangkan semangat jahat serta memohon perlindungan daripada Kinoringan atau Minamangun sebagai Tuhan Pencipta (Low & Raymond, 2014). Kinoringan dipercayai sebagai pencipta alam semesta dan penguasa seluruh ciptaan termasuk manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Kepercayaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Rungus mempunyai konsep ketuhanan tersendiri yang membentuk asas teologi tradisional mereka.

Dalam kerangka kosmologi Rungus, hubungan manusia dengan Kinoringan tidak berlaku secara langsung, tetapi melalui perantaraan entiti tertentu seperti *sambavon* dan *llumaag*. Hubungan ini dikendalikan melalui ritual yang melibatkan pembacaan *rinait* dan pengorbanan tertentu. Struktur ini memperlihatkan bahawa sistem kepercayaan Rungus mempunyai hierarki *spiritual* yang jelas sekali gus menunjukkan bahawa Bbiruhui berfungsi sebagai sistem agama yang teratur dan bukan sekadar kepercayaan animisme sederhana (Raymond, 2013).

Selain itu, kosmologi Rungus turut merangkumi pembahagian alam ghaib kepada beberapa entiti utama. Pertama, Minamangun sebagai Pencipta dan penguasa tertinggi. Kedua, *rogon* iaitu roh jahat yang dipercayai menyebabkan penyakit, kematian dan bencana. Ketiga, *hatod* yang merujuk kepada roh manusia dan roh baik penjaga tanaman. Kepercayaan terhadap entiti-entiti ini membentuk cara masyarakat Rungus mentafsir penderitaan dan musibah sebagai akibat ketidakseimbangan hubungan antara manusia dan alam ghaib (Porodong, 1997). Dengan demikian, Bbiruhui bukan sahaja membentuk kerangka *spiritual* malah menentukan struktur etika dan tingkah laku masyarakat.

b. Peranan Bbobbolizan dan Amalan Ritual

Institusi penting dalam agama Bbiruhui ialah *bbobbolizan* iaitu perantara *spiritual* yang lazimnya dipilih dalam kalangan wanita. Bbobbolizan berfungsi sebagai penghubung antara manusia dan alam ghaib khususnya dalam situasi melibatkan penyakit, bencana atau ritual pertanian. Individu yang dipilih mestilah mempunyai daya ingatan yang kuat, kebijaksanaan bertutur, kepimpinan serta keupayaan menghafal dan memahami *rinait* iaitu puisi ritual yang digunakan dalam upacara keagamaan (Low & Raymond, 2014).

Proses latihan untuk menjadi bbobbolizan mengambil masa antara lima hingga sepuluh tahun kerana kerumitan ritual dan kepentingan ketepatan bacaan *rinait*. Dalam pelbagai upacara seperti penyembuhan orang sakit, persembahan korban kepada rogon dan pembukaan musim penanaman padi, bbobbolizan memainkan peranan sentral dalam memastikan keseimbangan antara manusia dan alam ghaib terpelihara (Porodong, 2001). Peranan ini menunjukkan bahawa agama tradisional Rungus mempunyai institusi *spiritual* yang berstruktur dan berfungsi sebagai

elemen penting dalam organisasi sosial komuniti. Lebih daripada sekadar peranan ritual, bbobbolizan juga berfungsi sebagai penjaga adat dan pentafsir simbol-simbol kosmologi dalam masyarakat. Kebergantungan komuniti terhadap mereka membuktikan bahawa sistem kepercayaan tradisional bukan bersifat peribadi, tetapi terinstitusi dalam struktur sosial Rungus sebelum kedatangan agama samawi.

c. Konsep Kematian dan Jiwa

Kepercayaan masyarakat Rungus terhadap kematian mencerminkan kedalaman falsafah *spiritual* mereka. Kematian tidak dianggap sebagai pengakhiran mutlak tetapi sebagai proses peralihan ke alam baharu. Jenazah dipakaikan pakaian tradisional sebelum dimasukkan ke dalam tempayan besar dan dikebumikan mengikut adat tertentu. Kepala jenazah dihadapkan ke arah timur sebagai simbol kebangkitan dan kesinambungan roh selari dengan pergerakan matahari (Raymond, 2013).

Dalam kepercayaan tradisional ini, setiap manusia dipercayai memiliki sembilan jiwa yang terdiri daripada satu *lugu* di kepala sebagai anugerah Minamangun, satu *hatod dot inan* yang menguasai tubuh serta tujuh *hatod dot piuhalan* yang terletak pada sendi-sendi utama dan menjadi sumber kekuatan fizikal. Konsep ini memperlihatkan bahawa tubuh dan roh dilihat sebagai satu kesatuan yang saling berkait dengan alam kosmos (Porodong, 2001).

Walau bagaimanapun, amalan pengebumian tempayan dan kepercayaan terhadap sembilan jiwa semakin berkurangan apabila masyarakat Rungus mula menerima Kristian dan Islam. Pendidikan moden, perubahan ekonomi serta pengaruh institusi agama baharu turut mempercepatkan kemerosotan tradisi ini. Akibatnya, bilangan bbobbolizan semakin menyusut dan pengamalan Bbiruhui semakin terpinggir dalam kehidupan masyarakat Rungus kontemporari (Low & Raymond, 2014).

Perubahan ini menandakan berlakunya peralihan *worldview* daripada kosmologi tradisional kepada sistem kepercayaan berteraskan agama *samawi*. Justeru, pemahaman terhadap kepercayaan awal ini menjadi asas penting untuk menilai transformasi agama yang berlaku dalam kalangan masyarakat Rungus pada fasa seterusnya.

KRISTIANISASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT RUNGUS

Transformasi agama masyarakat Rungus memasuki fasa baharu apabila Kristian diperkenalkan secara lebih tersusun melalui jaringan mubaligh, institusi kolonial dan sokongan kebajikan. Proses Kristianisasi ini tidak berlaku secara spontan, sebaliknya berkembang seiring dengan perubahan struktur politik dan ekonomi Sabah sejak era kolonial, khususnya melalui penglibatan British North Borneo Company (BNBC), kehadiran mubaligh Kristian serta kemasukan komuniti Cina Kristian (Hill & Shin, 1990). Dalam konteks ini, Kristian bukan sekadar diperkenalkan sebagai agama tetapi hadir bersama sistem pendidikan, bantuan sosial dan jaringan institusi yang akhirnya membentuk orientasi keagamaan baharu masyarakat Rungus.

a. Latar Kristianisasi di Sabah Utara

Gerakan awal penyebaran Kristian bermula secara signifikan di Kudat, kawasan yang majoritinya didiami oleh masyarakat Rungus dan merupakan antara daerah terawal menerima misi mubaligh Kristian (Mojijang & De Silva, 2020). Dari Kudat, aktiviti Kristianisasi kemudiannya berkembang ke Sandakan, Tawau dan Papar yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran gereja kerana kedudukannya di kawasan persisiran pantai (Richard, 1999). Pusat-pusat ini menjadi tapak strategik bagi memperluas pengaruh Kristian ke kawasan pedalaman Sabah termasuk penempatan utama masyarakat Rungus.

b. Strategi Mubaligh dan Sokongan Institusi

Penyebaran Kristian di Sabah dilaksanakan melalui pembahagian wilayah dakwah antara beberapa aliran gereja. Aliran Anglikan dan Basel Mission menumpukan kawasan bandar manakala Roman Catholic, Protestant Church in Sabah (PCS), Sidang Injil Borneo (SIB) dan Seventh-Day Adventist memberi tumpuan kepada kawasan pedalaman (Bainol, 2018). Pembahagian ini mencerminkan strategi terancang bagi memastikan liputan dakwah merangkumi seluruh Sabah. Dalam kalangan masyarakat Rungus, pendekatan mubaligh sering digabungkan dengan penyediaan pendidikan, rawatan kesihatan asas dan bantuan makanan, sekali gus membina kepercayaan masyarakat terhadap gereja dan mempercepatkan proses penerimaan Kristian.

c. Peranan Cina Hakka dan Basel Mission

Kristianisasi masyarakat Rungus turut diperkukuh melalui kemasukan masyarakat Cina Kristian khususnya suku Hakka yang dibawa masuk oleh BNBC pada tahun 1913 dengan sokongan Basel Mission Society (Tregoning, 1965). Kira-kira 600 orang Cina Kristian ditempatkan di Kudat, Inanam, Menggatal dan Telipok (Forschner ,1994) dengan tujuan membangunkan sektor pertanian dan ekonomi di kawasan yang kurang berpenduduk. Kehadiran mereka menyebabkan dominasi ekonomi tempatan melalui pembukaan kedai runcit, perladangan, kilang serta syarikat import-eksport (Appell, 1985). Hubungan sosial antara masyarakat Cina Kristian dan Rungus membuka ruang interaksi budaya dan agama sekali gus memperluas pengaruh Kristian dalam kehidupan seharian komuniti Rungus.

d. Kristianisasi Rungus Pasca 1950-an

Walaupun mubaligh Kristian telah memasuki Borneo seawal abad ke-14 melalui Father Odoric pada tahun 1332, diikuti beberapa tokoh lain seperti Antonio Pereira dan Ventimigla (Parsons 1967; Suraya 2003), pengaruh Kristian terhadap masyarakat Rungus menjadi lebih ketara selepas tahun 1951. Perubahan ini dikaitkan dengan kedatangan orang Kristian Hakka serta penglibatan aktif Eva Legical Missionary Society di Basel, Switzerland (Jeubirin 2000; Masandu 1977). Rev. H. Bienz yang bertugas dalam kalangan masyarakat Cina di Kudat menyedari kewujudan komuniti Rungus di kawasan luar bandar lalu memaklumkan perkara tersebut kepada pihak misi di Basel. Hasilnya, pembaptisan pertama masyarakat Rungus

direkodkan pada 24 Disember 1953 di Kampung Masangkung, Kudat, yang menandakan permulaan fasa baharu Kristianisasi komuniti ini (Porodong 1997).

e. Faktor Politik 1985 dan Percepatan Kristianisasi

Perkembangan politik Sabah turut memberi kesan langsung terhadap penyebaran Kristian. Kekalahan United Sabah National Organisation (USNO) dan BERJAYA pada tahun 1985 melemahkan kekuatan politik Islam dan membuka ruang lebih luas kepada aktiviti gereja (Yahaya 1986; Ismail 2004). Dalam tempoh ini, penyebaran Kristian semakin pesat digerakkan khususnya di kawasan pedalaman Sabah. Bainol (2018) mencatatkan bahawa ramai penduduk pribumi berjaya dibaptis malah terdapat kes mualaf yang kembali menganut Kristian akibat tekanan sosial, kekurangan sokongan agama serta pengaruh kebajikan gereja. Fenomena ini memperlihatkan bahawa Kristianisasi Rungus bukan sekadar proses keagamaan tetapi turut dipacu oleh faktor struktur seperti politik, ekonomi dan jaringan institusi.

f. Corak Penganutan Semasa

Kesan kumulatif daripada jaringan mubaligh, sokongan kolonial, pengaruh komuniti Cina Kristian serta perubahan politik telah menjadikan Kristian sebagai agama dominan dalam kalangan masyarakat Rungus. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Sabah (2015), dianggarkan sekitar 60% masyarakat Rungus kini beragama Kristian, kira-kira 10% Islam manakala selebihnya masih mengamalkan kepercayaan tradisional atau tidak beragama. Corak ini menunjukkan keberkesanan strategi Kristianisasi yang menggabungkan dakwah, kebajikan dan sokongan institusi di samping memperlihatkan bagaimana identiti keagamaan masyarakat Rungus telah berubah secara signifikan dalam tempoh kurang daripada satu abad.

Secara keseluruhan, Kristianisasi masyarakat Rungus berkembang melalui pendekatan institusional yang tersusun, disokong oleh struktur kolonial, pendidikan dan kebajikan. Pendekatan ini berbeza secara ketara dengan Islamisasi yang berlaku kemudian secara lebih perlahan dan bersifat akar umbi sebagaimana akan dibincangkan dalam seksyen seterusnya.

ISLAMISASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT RUNGUS

Berbeza dengan Kristianisasi yang berkembang melalui jaringan institusi formal serta sokongan kolonial, Islamisasi dalam kalangan masyarakat Rungus berlaku secara lebih perlahan dan bersifat akar umbi (Rasip, 2025a). Proses ini berkembang melalui hubungan sosial setempat, perkahwinan campur serta interaksi ekonomi tanpa sokongan struktur institusi yang tersusun pada peringkat awal (Lazarus & Abdul Rahman, 2022). Justeru, Islam tidak hadir sebagai satu gerakan besar-besaran sebaliknya berkembang secara organik dalam ruang keluarga dan komuniti kecil khususnya di kawasan pantai utara Sabah termasuk Kudat (Ramadhan & Budianto, 2022). Corak perkembangan ini menjadikan Islamisasi Rungus lebih bersifat interpersonal dan berasaskan pengalaman hidup berbanding pendekatan institusional yang menjadi ciri utama Kristianisasi.

a. Latar Awal Islam di Sabah Utara

Secara umum, pengaruh Islam di Sabah telah wujud sejak abad ke-15 melalui jaringan perdagangan Islam Nusantara khususnya dari Kesultanan Brunei dan Sulu (Fadhil & Intiyas, 2024). Walau bagaimanapun, penembusan Islam ke kawasan pedalaman yang menjadi penempatan utama masyarakat Rungus berlaku jauh lebih lewat akibat faktor geografi, keterasingan komuniti serta kekuatan adat kepercayaan tradisional (Rasip et al., 2025a). Dalam konteks masyarakat Rungus, Islam mula dikenali melalui hubungan dengan komuniti Muslim pesisir seperti Bajau dan Suluk namun penerimaannya kekal terhad dan bersifat individu. Ketiadaan jaringan dakwah yang sistematik menyebabkan Islam berkembang secara perlahan dan tidak membentuk komuniti besar pada peringkat awal.

b. Saluran Islamisasi: Perkahwinan, Perdagangan dan Dakwah Individu

Antara saluran utama Islamisasi dalam kalangan masyarakat Rungus ialah perkahwinan campur antara lelaki Muslim khususnya daripada komuniti Bajau dan Suluk dengan wanita Rungus (Nasution & Ghofur, 2017). Melalui institusi keluarga, nilai Islam diperkenalkan secara beransur-ansur merangkumi amalan solat, pemakanan halal serta pendidikan anak-anak (Ramadhan & Budianto, 2022). Selain itu, hubungan ekonomi dengan pedagang Muslim turut membuka ruang interaksi budaya dan agama terutamanya bagi masyarakat Rungus yang bekerja di kawasan pantai atau bandar kecil (Aratin & Abdul Rahman, 2022). Peranan individu pendakwah tempatan juga signifikan walaupun tidak didokumentasikan secara sistematik seperti mubaligh Kristian menjadikan proses Islamisasi lebih bergantung kepada kekuatan hubungan sosial dan teladan peribadi.

c. Cabaran Penerimaan Islam

Walaupun terdapat penerimaan Islam, jumlah masyarakat Rungus yang memeluk Islam kekal kecil berbanding Kristian. Keadaan ini berpunca daripada beberapa faktor utama, antaranya ketiadaan institusi dakwah yang tersusun pada peringkat awal, dominasi gereja Kristian yang menyediakan bantuan kebajikan dan pendidikan (Mat Zin 2003). Pada masa yang sama kekuatan adat Bbiruhui yang telah berakar umbi dalam kehidupan komuniti. Tambahan pula, sebahagian mualaf Rungus berdepan tekanan keluarga dan komuniti menyebabkan ada yang kembali kepada agama asal atau Kristian (Rasip & Ab Razak 202a). Fenomena ini turut dipengaruhi oleh perubahan politik Sabah pasca 1985 yang menyaksikan pengukuhan gerakan Kristian di kawasan pedalaman (Bainol 2018). Data Jabatan Perangkaan Sabah, Malaysia (2015) menunjukkan hanya sekitar 10% masyarakat Rungus beragama Islam berbanding kira-kira 60% Kristian dan selebihnya masih mengamalkan kepercayaan tradisional atau tidak beragama.

d. Islam sebagai Transformasi Nilai dan Identiti

Walaupun Islam merupakan agama minoriti dalam kalangan masyarakat Rungus, penerimaannya membawa perubahan signifikan kepada individu yang memeluknya. Mereka

mengalami transformasi *worldview* daripada kosmologi animisme kepada tauhid daripada ritual korban kepada ibadah serta daripada pergantungan kepada roh kepada pergantungan mutlak kepada Allah SWT. Namun proses ini tidak mudah. Ramai mualaf Rungus menghadapi cabaran penyesuaian budaya, kekurangan bimbingan agama serta kesukaran ekonomi. Justeru, Islamisasi Rungus bukan sekadar isu teologi tetapi turut melibatkan dimensi psikologi, sosial dan struktur sokongan komuniti (Rasip, 2025b). Walaupun kecil dari segi angka, komuniti Muslim Rungus memainkan peranan penting sebagai jambatan antara identiti etnik dan nilai Islam dalam masyarakat kontemporari.

DINAMIKA TRANSFORMASI KEAGAMAAN DAN PEMBENTUKAN IDENTITI MASYARAKAT RUNGUS

Transformasi keagamaan dalam kalangan masyarakat Rungus perlu difahami sebagai suatu proses sosio-spiritual yang kompleks melibatkan interaksi antara kepercayaan tradisional, kuasa kolonial, jaringan institusi agama serta perubahan struktur sosial. Peralihan daripada Bbiruhui kepada Kristian dan Islam bukan sekadar perubahan ritual tetapi mencerminkan peralihan *worldview* masyarakat Rungus daripada kosmologi tradisional kepada sistem kepercayaan berteras agama samawi.

Kristianisasi masyarakat Rungus memperlihatkan pola perubahan yang bersifat institusional disokong oleh struktur kolonial seperti British North Borneo Company, jaringan mubaligh pendidikan serta Kebajikan (Maria, 2004). Pendekatan ini memungkinkan Kristian berkembang secara pesat dan terancang, khususnya melalui pusat-pusat awal seperti Kudat, sekali gus membentuk dominasi Kristian dalam komuniti Rungus. Faktor politik pasca 1985 turut mempercepatkan proses ini apabila ruang dakwah gereja semakin terbuka di kawasan pedalaman.

Sebaliknya, Islamisasi masyarakat Rungus berkembang melalui pendekatan yang jauh lebih perlahan dan bersifat akar umbi iaitu berasaskan hubungan kekeluargaan, perkahwinan campur serta interaksi sosial harian (Aratin & Abdul Rahman, 2022). Ketiadaan institusi dakwah yang tersusun serta kekuatan adat Bbiruhui menyebabkan Islam kekal sebagai agama minoriti dari segi kuantitatif. Namun demikian, bagi individu yang memeluk Islam, perubahan yang berlaku bersifat mendalam melibatkan pembentukan identiti baharu berasaskan tauhid, amalan ibadah dan orientasi hidup yang lebih terarah kepada akidah.

Perbezaan corak perkembangan ini menunjukkan bahawa Kristian dan Islam memasuki ruang sosial masyarakat Rungus melalui dua laluan yang berbeza: Kristian melalui kuasa struktur dan institusi (Mojijang, & De Silva2020), manakala Islam melalui pengalaman interpersonal dan transformasi dalaman. Keadaan ini menjelaskan mengapa Kristian lebih dominan dari segi angka, sementara Islam walaupun kecil memberi kesan signifikan terhadap pembentukan identiti individu mualaf.

Secara keseluruhan, transformasi agama masyarakat Rungus bukan proses penggantian budaya secara mutlak sebaliknya satu proses penyesuaian berlapis yang melibatkan rundingan antara tradisi, agama baharu dan realiti sosial moden. Proses ini akhirnya membentuk identiti Rungus kontemporari yang bersifat hibrid iaitu mengekalkan unsur etnik sambil mengasimilasikan nilai-nilai keagamaan yang baharu.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti kepercayaan awal serta proses transformasi agama dalam kalangan masyarakat Rungus di Sabah Utara dengan memberi tumpuan kepada tiga dimensi utama iaitu sistem kepercayaan tradisional Bbiruhui, proses Kristianisasi dan perkembangan Islamisasi. Dapatan menunjukkan bahawa sebelum kedatangan agama samawi, masyarakat Rungus memiliki sistem agama warisan yang tersusun dan berfungsi sebagai asas pembentukan identiti *spiritual*, sosial dan budaya. Kosmologi yang melibatkan Kinoringan, rogon, hatod serta institusi bbobbolizan membentuk *worldview* yang menyeluruh dan berakar kuat dalam kehidupan komuniti.

Transformasi agama yang berlaku kemudiannya memperlihatkan dua pola perkembangan yang berbeza. Kristian berkembang secara institusional melalui jaringan mubaligh, pendidikan, kebajikan serta sokongan struktur kolonial dan politik sekali gus menjadikannya agama dominan dalam kalangan masyarakat Rungus. Sebaliknya, Islam berkembang secara perlahan melalui hubungan kekeluargaan, perkahwinan campur dan interaksi sosial setempat tanpa sokongan institusi yang tersusun pada peringkat awal. Walaupun Islam kekal sebagai agama minoriti dari segi kuantitatif, penerimaannya membawa perubahan yang mendalam terhadap individu mualaf, khususnya dari sudut akidah, amalan ibadah dan pembentukan identiti baharu.

Secara keseluruhan, transformasi agama masyarakat Rungus merupakan suatu proses sosio-*spiritual* yang dinamik dan berlapis, melibatkan rundingan antara tradisi, agama baharu dan realiti sosial moden. Proses ini membentuk identiti Rungus kontemporari yang bersifat hibrid iaitu mengekalkan unsur etnik dan warisan budaya sambil mengasimilasikan nilai-nilai keagamaan yang baharu. Justeru, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman tentang sejarah keagamaan masyarakat Rungus malah memperkayakan wacana mengenai perubahan agama dan pembentukan identiti dalam kalangan komuniti pribumi Sabah.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Fundamental Research Grant Scheme, FRGS) dengan nombor geran FRGS/1/2025/SS10/UMS/02/1.

RUJUKAN

Aratin, N. A., & Abdul Rahman, N. F. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tinjauan awal di Sabah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 23*(3), 182–200.

Appell, G. N. (1985). Land tenure and development among the Rungus of Sabah, Malaysia. In G. N. Appell (Ed.), *Modernization and the emergence of a landless peasantry: Essays on the integration of peripheries to socioeconomic centers* (pp. 110–155). Virginia: Department of Anthropology, College of William and Mary.

Appell, G. N. (1986). Social anthropological research among the Rungus Dusun: A talk for the Sabah Society. *Sabah Society Journal*, 8, 194–209.

Bainol, L. (2018). Strategi Kristianisasi di daerah Kota Marudu, 1985–1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 3(2), 185–199.

Fadhil, H. M., & Intiyas, R. (2024). Rethinking Islamization in Southeast Asia: Historical dynamics, distinction and existence of Muslim. *Journal of Muslim Intellectual Civilization*, 2(2).

Forschner, T. A. (1994). *Hoturan di boros Momogun (Rungus): Outline of a Momogun grammar (Rungus dialect)*. Sabah, Malaysia: Sikuk Publication.

Hill, R. D., & Shin, V. M. (1990). Occupational and spatial mobility in an overseas Chinese agricultural community: The Hakkas of Kudat, Sabah, Malaysia. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 5(2), 194–218.

Ismail, Y. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Sabah, Malaysia. (2015). *Buku tahunan perangkaan Sabah 2014: Sabah statistics yearbook 2014*. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Sabah.

Jeubirin, S. (2000). *Bobolizan: Peranan dan kepentingannya dalam masyarakat Rungus tradisional*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Lazarus, E. M. C. L., & Abdul Rahman, M. K. (2022). Magahau Rungus: From ritual ceremonies to pesta keramaian. *Jurnal Gendang Alam, 12*(2), 1–10.

Low, K. O., & Raymond, M. (2014). Bbahul dan hubungannya dengan kepercayaan Bbiruhui etnik Rungus di Sabah. *Kemanusiaan*, 21(1), 73–102.

Masandu, M. (1977). Koluturanan dit Gorija Protestant Sid Sabah. In *PCS Silver Jubilee Souvenir 1952–1977*. Kudat: Protestant Church in Sabah.

Maria, P. K. (2004). *Christian mission in Malaysia: Past emphasis, present engagement, and future possibilities* (Master's thesis). Australian Catholic University.

Mat Zin, M. K. (2003). *Kristian di Sabah 1881–1994*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mojijang, C., & De Silva, M. (2020). The role of Protestant Church in Sabah (PCS) in the social development of Rungus society 1953–1993 in Kudat, Sabah. *Jurnal Borneo Arkhailogia, 5*(1), 89–104.

Moo, E., Lazarus, C. L., & Saearani, M. F. T. bin. (2023). Concept and structure of performance in Rungus ethnic mamapak ritual in Sabah. *Jurnal Gendang Alam, 13*(2), 138–148.

Nasution, S., & Ghofur, A. (2017). Perkembangan Islam di Sabah Malaysia (perspektif sosio-historis). *Toleransi*, 9(2), 152–183.

Parsons, L. M. (1967). The Catholic Church in Borneo. *Sabah Society Journal*, 3(3), 137.

Porodong, P. (1997). *Kemiskinan dalam kalangan masyarakat Rungus di Kudat, Sabah* (PhD dissertation). Universiti Malaya.

Porodong, P. (2001). Bobolizan, forests and gender relations in Sabah, Malaysia. *Gender, Technology and Development*, 5(1), 63–90.

Ramadhan, S., & Budianto, A. (2022). The movers of Islamization: Studies on the Islamization of the coastal and interior of the archipelago in the XIII–XIX centuries. *Journal of Historical Culture and Civilization*, 3(2), 25–38.

Rasip, Z. M. (2025a). *Dakwah dan mualaf di Sabah: Cabaran, kejayaan dan sinergi dakwah*. Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam, UMS.

Rasip, M. Z. (2025b). The transformation of Islam in Sabah in the post-independence era: History, da'wah strategies, and demographic changes. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10(40), 636–652.

Rasip, Z. M., & Ab Razak, M. S. (2024). Factors leading to conversion to Islam: A study on converts in Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 9*(10), 1–14.

Rasip, Z. M., Hamzah, A. H., Hajimin, M. N. H. H., Ab Razak, M. S., Adol, S., & Marinsah, S. A. (2025a). The historical development of Islam and converts in Sabah, Malaysia: From the 14th century to the official designation of Islam as the state religion. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 15*(3), 1556–1572.

Rasip, M. Z., Muin, S. A., Ramlie, H., Basir, D. H. A., & Kadri, R. (2025b). Competing faiths under colonial rule: Islamic expansion, Christian missionaries, and the emergence of mualaf in the making of religious identity in Sabah. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 14*(2), 1440–1455.

Raymond, M. (2013). Adat resam dan pantang larang suku Rungus. In *Adat resam dan pantang larang suku kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richard, Y. (1999). *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*. Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing.

Rooney, J. (1981). *Good news: A history of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei 1880–1976* (PhD dissertation). SOAS University of London.

Samsidar, S., Syamsuduha, S., Pababbari, M., & Shafiq, K. (2024). The Islamization of the Malay Sultanate: Tracing the historical roots of Islamic influence in Malaysia. *Jurnal Al-Dustur*, 7(2), 136–151.

Suraya Sintang. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59–80.

Tregoning, K. G. (1965). *A history of modern Sabah (North Borneo 1881–1963)*. Kuala Lumpur: University Malaya Press. Yahaya Ismail. (1986). *Politik Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.